

Mampu ancam nyawa 120,000 rakyat - Pengasih

21 September 2019

Mampu ancam nyawa 120,000 rakyat – Pengasih

KUALA LUMPUR 20 Sept. – Rampasan dadah jenis kokain sebanyak 12 tan bernilai RM2.4 bilion mampu ‘merosakkan’ kira-kira 120,000 rakyat di negara ini.

Perkara tersebut ditegaskan Yang Dipertua Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih),

Ramli Abdul Samad sambil menyifatkan ia satu kejayaan besar kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) selepas merampas dadah jenis ‘elit’ itu.

Katanya, anggaran itu dibuat berdasarkan penggunaan bagi rata-rata penagih yang mengambil

kira-kira satu ke 100 gram dadah setiap hari bergantung kepada tahap ketagihannya.

“Dadah jenis kokain baru nak bermula di negara ini dan hanya dihisap oleh golongan elit kerana harganya mahal. Bayangkan harga jenis kokain adalah bernilai

RM1,500 setiap 100 gram berbanding RM150 bagi dadah jenis ‘ice’.

“Jumlah sebanyak 12 tan mampu merosakkan hampir 120,000 orang. Jadi kejayaan ini merupakan kejayaan besar bagi PDRM,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.